



## GARIS PANDUAN BAGI PELAKSANAAN PROGRAM/PROJEK DI BAWAH RANCANGAN JOHOR LIMA TAHUN (RJ5T) TAHUN 2026

### 1. Tujuan

Pegawai Pengawal perlu melaksanakan program/projek bagi tahun 2026 sebagaimana yang diluluskan melalui Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi Peruntukan Pembangunan Tahun 2026 yang berjumlah RM 1,100,000,000.00.

### 2. Kelulusan Peruntukan dan Pelaksanaan Projek

- 2.1 Pegawai Pengawal **MESTI** mengemaskini senarai program/projek mengikut Senarai Kelulusan Program/Projek Peruntukan Pembangunan Tahun 2026 di dalam Sistem Pemantauan Projek Negeri Johor (JoMS).
- 2.2 Pegawai Pengawal perlu memulakan kerja-kerja peringkat pra-pelaksanaan termasuk penyediaan dokumen perolehan sebaik sahaja mendapat pengesahan senarai projek daripada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor. **Kertas pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) yang berkaitan perlu diselesaikan pada bulan Disember manakala lantikan perolehan hendaklah dilaksanakan pada bulan Januari dan kerja-kerja fizikal/di tapak mula dilaksanakan pada bulan Februari.**

### 3. Pengeluaran Waran Peruntukan

- 3.1 Pegawai Pengawal perlu mengeluarkan dan menyalurkan waran peruntukan kecil kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan agensi pelaksana di bawah bidang kuasa masing-masing sebelum **15 Januari tahun semasa** dan hendaklah mewujudkan satu Garis Panduan bagi Pengeluaran Waran Peruntukan Kecil kepada PTJ masing-masing.

- 3.2 Penyaluran waran perlu dipantau secara berkala melalui kaedah pengeluaran/penyaluran waran secara berjadual, berdasarkan keperluan dan komitmen tahun semasa, baki peruntukan semasa bagi setiap projek yang telah diluluskan.

#### 4. Kawalan Perbelanjaan

- 4.1 Pegawai Pengawal perlu memastikan semua program/projek dilaksanakan segera secara cekap dan berkesan. Ini bagi memastikan usaha membangunkan negeri dan memperkasakan ekonomi dapat dilaksanakan secara menyeluruh demi kesejahteraan rakyat.
- 4.2 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan cermat, berhemah dan mengikut prinsip "best value for money". Justeru, pelaksanaan program/projek hendaklah selaras dengan jumlah peruntukan yang telah diluluskan. Semua perbelanjaan hendaklah dibuat perancangan dengan teliti supaya tidak melebihi peruntukan yang diluluskan dan mengelakkan sebarang ketirisan atau pembaziran.
- 4.3 Pegawai Pengawal perlu memastikan semua jabatan/agensi di bawah bidang kuasa masing-masing menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) bagi tahun 2026. Jadual pelaksanaan PPT hendaklah dipatuhi secara teratur, cekap dan berkesan bagi mengelakkan perbelanjaan di luar perancangan, pecah kecil perolehan dan perbelanjaan saat akhir pada hujung tahun. Setiap proses perolehan perlu dilaksanakan berdasarkan arahan, pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.
- 4.4 Peruntukan yang diluluskan adalah merupakan siling perbelanjaan bagi tahun kewangan semasa. Sebarang perubahan perancangan yang melibatkan implikasi kewangan tambahan, hendaklah ditanggung menggunakan peruntukan sedia ada yang telah diluluskan tanpa sebarang peruntukan tambahan.
- 4.5 Bagi sebarang baki tanggungan tahun sebelumnya yang belum dijelaskan (*revote*) atau pelaksanaan sesuatu keputusan baharu, perbelanjaan hendaklah menggunakan peruntukan sedia ada tahun semasa atau dilakukan secara *trade-off* dengan peruntukan sedia ada.
- 4.6 Bagi peruntukan yang disediakan bagi tujuan penyelesaian isu Mesyuarat Tindakan DUN (MTD), Pegawai Pengawal hendaklah mengenalpasti keutamaan projek yang telah dibangkitkan dalam MTD, termasuk perkara melibatkan kecemasan, kritikal, mendesak dan memerlukan kesegeraan bagi pelaksanaan.

- 4.7 Penilaian hendaklah mengambil kira bahawa status tanah bagi projek berkenaan adalah jelas, kos anggaran setiap projek adalah sebagaimana skop kerja-kerja kecil, perancangan perolehan tahunan serta garis masa pelaksanaan hendaklah disediakan bagi membolehkan projek disiapkan dengan kadar segera.
- 4.8 Pegawai Pengawal adalah dipertanggungjawabkan untuk memastikan setiap projek yang diluluskan di bawah Butiran Kerja Kecil dan/atau Projek Penyelesaian Isu MTD di Daerah-Daerah Negeri Johor dikemaskini secara berkala serta kawalan melalui penyediaan Garis Panduan khusus bagi pelaksanaannya. Setelah semua maklumat projek lengkap dan disahkan Pegawai Pengawal hendaklah memuat naik dokumen berkaitan ke dalam Sistem JoMS mengikut jadual suku tahun yang ditetapkan.

## 5. Tambah Peruntukan Pembangunan

- 5.1 Pegawai Pengawal sebelum membuat apa-apa keputusan melibatkan tambahan peruntukan **PERLU** menilai terlebih dahulu implikasi kewangan dengan mengambil kira pelarasan, penstrukturan semula perbelanjaan atau penyusunan semula keutamaan program/projek.
- 5.2 Sehubungan itu, Pegawai Pengawal perlu memastikan sebarang dasar baharu yang dirancang dan melibatkan implikasi kewangan tambahan kepada kerajaan hendaklah dinilai dengan sewajarnya dan semua permohonan Tambah Peruntukan **perlu dibentangkan kepada YAB Menteri Besar Johor terlebih dahulu** sebelum sebarang permohonan dikemukakan.

## 6. Notis Perubahan (NOC)

- 6.1 Pegawai Pengawal perlu melaksanakan kawalan dalaman dan seterusnya menyelia setiap projek pembangunan dengan lebih teliti bagi mengelakkan kekerapan bagi permohonan Notis Perubahan (NOC).
- 6.2 Bagi mengelakkan kekerapan permohonan NOC, Pegawai Pengawal **PERLU** melaksanakan perkara-perkara berikut:
  - (a) merancang pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan harga kontrak tidak melebihi kos siling yang diluluskan. Pegawai Pengawal perlu mempertimbangkan pendekatan "**design-to-cost**" semasa memuktamadkan reka

bentuk projek tanpa menjejaskan fungsi dan keberhasilan projek apabila projek siap sepenuhnya;

- (b) permohonan NOC untuk projek sedia ada yang melibatkan peningkatan kos siling dan perubahan skop sama sekali **TIDAK DIGALAKKAN**; dan
- (c) permohonan projek baru melalui NOC adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Pengecualian hanya akan dipertimbangkan kepada permohonan projek yang ditakrifkan dalam kategori mendesak, kecemasan dan kritikal serta dilaksanakan secara *trade-off* dengan projek sedia ada tanpa sebarang peruntukan tambahan.

6.3 Sebarang permohonan berkaitan Peruntukan Pembangunan (pindah / tambah peruntukan pembangunan, tambah / tukar tajuk, perubahan skop kerja, pertambahan kos siling / projek dan lain-lain perkara yang berkaitan) hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada pihak **Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPEN)** dalam tempoh masa yang ditetapkan.

6.4 Tempoh permohonan NOC dibuka bermula **01 MAC 2026 SEHINGGA 31 OGOS 2026**. Pegawai Pengawal perlu mengemukakan permohonan NOC yang lengkap dan terperinci dalam tempoh yang ditetapkan melalui Sistem JoMS.

## 7. Pemantauan dan Pelaporan Kemajuan Pelaksanaan

7.1 Pegawai Pengawal bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan perbelanjaan dibuat secara teratur dan menyumbang kepada pencapaian prestasi perbelanjaan yang optimum.

7.3 Pegawai Pengawal perlu memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi dan hemat bagi memastikan pelaksanaan mengikut jadual. Dalam hal ini Pegawai Pengawal perlu mengemaskini maklumat prestasi fizikal dan kewangan bagi setiap projek pembangunan tersebut bagi tujuan pemantauan lanjut oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pemantauan Projek & Kesejahteraan Rakyat.

7.4 BPEN akan melaksanakan semakan semula peruntukan pada Suku Tahun Ketiga 2026 bagi membolehkan pengagihan semula peruntukan daripada program/projek yang **tidak menunjukkan sebarang kemajuan** kepada program/projek yang lebih memerlukan dan mendesak mengikut keperluan semasa.

## 8. Pegawai Perhubungan

8.1. Pegawai Pengawal hendaklah melantik seorang pegawai yang akan bertanggungjawab untuk berhubung dari semasa ke semasa bersama Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor serta Bahagian Pemantauan Projek & Kesejahteraan Rakyat bagi menyelaraskan hal-hal berkaitan pelaksanaan program/projek.

## 9. Penutup

9.1 Pegawai Pengawal adalah diminta untuk memberi perhatian yang serius terhadap pengurusan kewangan kerajaan dan tatacara perolehan yang berkuatkuasa serta memastikan teguran yang dibangkitkan di dalam laporan audit **diambil tindakan sewajarnya serta tidak berulang pada masa akan datang.**

9.2 Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya kehendak-kehendak di dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa dalam melaksanakan pengurusan perbelanjaan. Semua perbelanjaan hendaklah **tidak melebihi jumlah peruntukan yang telah diluluskan** dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2026.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HJ. AHMAD NAZIR BIN HJ. MOHD NASIR)**  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor